



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 4 petang, 16 Januari 2025

Untuk Terbitan Media

16 Januari 2025

## **SIARAN MEDIA**

### **PUSAT DIALISIS KE-5 PERKESO: TAMPUNG LONJAKAN KEPERLUAN PESAKIT**

**KUALA LUMPUR** – Pusat dialisis kelima milik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dibuka bagi menampung lonjakan 16 peratus pesakit buah pinggang setahun.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata perangkaan rasmi tahunan menunjukkan terdapat purata peningkatan 2,550 pesakit dalam kalangan orang berinsurans (OB) PERKESO yang memerlukan rawatan dialisis.

Sehubungan itu, katanya, pengoperasian pusat terbaharu di ibu negara sejak November, tahun lalu dengan dilengkapi enam mesin dialisis untuk digunakan 18 pesakit untuk tiga sesi sehari bertujuan membantu pencarum PERKESO mendapatkan rawatan berkualiti tanpa dibebani kos rawatan yang tinggi.

“Mengikut data PERKESO, perbelanjaan untuk kemudahan bantuan dialisis hanya RM1.12 juta ketika mula diperkenalkan pada Januari 1999, tetapi kini sudah melonjak melebihi RM350 juta.

“Setakat ini, hampir 18,000 penerima menerima manfaat daripada kemudahan diberikan PERKESO, berbanding kurang 100 orang pada tahun pertama pada 1999, justeru Pusat Dialisis PERKESO cawangan Kuala Lumpur ini diharap dapat menampung keperluan pesakit,” katanya pada ucaptama perasmian, hari ini.

Turut hadir, Pengurus Lembaga PERKESO, Dato’ Sri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato’ Sri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Mengulas lanjut, Steven Sim berkata, permohonan menambah 12 mesin dialisis di kemudahan PERKESO cawangan Kuala Lumpur itu sudah dikemukakan untuk kelulusan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam tempoh terdekat.

Jelasnya, kemudahan di Wisma PERKESO Kuala Lumpur itu mempunyai kapasiti penuh memuatkan sehingga 37 mesin dialisis dan memberi manfaat kepada 222 pesakit.

“Kementerian menerusi PERKESO juga merancang membuka lebih banyak pusat dialisis di seluruh negara dengan satu lagi fasiliti dijangka mula beroperasi di **Pulau Pinang** pada **Julai 2025**,” katanya.

Menyentuh usaha pencegahan, Steven Sim berkata hampir 900,000 pencarum berkelayakan menjalani Program Saringan Kesihatan (HSP) PERKESO secara percuma sejak 2013 bagi mengesan pelbagai penyakit tidak berjangkit (NCD).

Katanya, intervensi awal itu dilaksana bagi mengurangkan kos perubatan jangka panjang dan mencegah komplikasi sehingga memerlukan rawatan intensif yang lebih mahal.

“Oleh itu, pekerja disaran menjalani saringan kesihatan secara berkala kerana kesihatan dan produktiviti tenaga kerja ialah pemangkin sosioekonomi negara,” katanya.

**Tamat**

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘leaves no one behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

#### **Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**16 Januari 2025**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-7107479**

[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)

**Ridauddin Daud**

**+6019-3265772**

[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)